

# SUKARELAWAN BAK KILAUAN PERMATA



**ROHANI  
ABDUL KARIM**

**T**IDAK semua individu mahu membantu dan melakukan aktiviti yang boleh meringankan beban atau memanfaatkan individu lain dengan ikhlas, rela hati, tanpa paksaan, dan paling penting, tanpa mengharapkan ganjaran atau balasan berbentuk material. Lantaran itulah, saya melihat golongan sukarelawan sebagai permata berkilauan yang berjaya emas.

Setiap tahun pada 5 Disember, para sukarelawan diraikan sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa. Ini sebagai penghargaan daripada masyarakat seluruh dunia terhadap sumbangan istimewa mereka. Kenapakah para sukarelawan begitu dihargai sedemikian rupa? Apakah keistimewaanannya?

Tingginya nilai yang diletakkan pada seseorang yang mempunyai sifat sukarela telah tercatat sekian lama. Kemuliaan amalan sukarela amat jelas menerusi sabda Rasulullah SAW: "Iman memiliki lebih daripada 70 cabang. Cabang yang paling tinggi dari cabang-cabang keimanan adalah perkataan 'La-ilaha-ilallah'. Manakala, cabang yang paling rendah adalah menyingkarkan gangguan dari jalan."

Diriwayatkan juga oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah bersabda: "Ada seorang lelaki yang melewati ranting berdui di tengah jalan. Lelaki itu berkata, 'Demi Allah, aku akan menyingkarkan duri ini dari kaum Muslimin sehingga mereka tidak akan terganggu olehnya'. Maka Allah pun memasukkannya ke dalam syurga."

Kedua-dua hadis di atas jelas menunjukkan bahawa sifat seorang individu yang penyayang dan empati dengan kesusahan orang lain layak menerima pengiktirafan yang tinggi. Hal ini kerana tindak-tanduk individu sebegini sering berdasarkan pemikiran yang mendahulukan permasalahan serta manfaat untuk insan lain berbanding kepentingan diri sendiri. Sikap yang sebegini sebenarnya adalah amat penting dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat ke arah mencapai ketamaduran yang lebih tinggi.

## MANFAAT KESUKARELAWANAN

Rata-rata sukarelawan yang ditemui baik secara santai mahupun secara lebih mendalam melalui kajian menyatakan bahawa kepuasan yang diperoleh daripada membantu atau memanfaatkan individu lain memberikan kepuasan. Malah bagi mereka, kepuasan yang dirasakan itu lebih tinggi harganya berbanding wang ringgit atau ganjaran material lain.

Penglibatan di dalam aktiviti kesukarelawan ini memberi peluang kepada sukarelawan untuk menikmati tahap keyakinan diri yang lebih tinggi, menjalin jaringan hubungan yang luas, membuat



**KESUKARELAWANAN** merupakan pendekatan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyantuni kumpulan sasaran.

mereka berasa penting, memperoleh ruang memperbaiki diri dan menjadi saluran dalam mencari keadilan tuhan.

Jelas, penglibatan di dalam kesukarelawan ini bukan sahaja membuahkan hasil yang positif di dalam kemasyarakatan sosial. Secara langsung ataupun tidak langsung, penglibatan di dalam kesukarelawan ini memberikan impak positif kepada mereka yang menceburinya.

Penglibatan di dalam aktiviti kesukarelawan kerap kalinya dapat mencungkil potensi dan bakat terpendam di dalam diri seseorang. Bak kata pepatah lama, 'belakang parang kalau makin diasah lagikan tajam'.

Penglibatan di dalam pelbagai aktiviti seringkali memberi peluang kepada para sukarelawan untuk mengaplikasikan pelbagai ilmu dan kemahiran yang ada pada diri mereka. Melalui pelbagai jaringan hubungan dan sumbangan yang disalurkan semasa aktiviti, sama ada dalam bentuk tenaga, masa, idea, pengalaman, kemahiran atau kepakaran serta idea, mereka akan mempelajari perkara baru dan juga meningkatkan tahap ilmu dan kemahiran sedia ada.

Lantaran itu, rakyat di negara ini tanpa mengira umur, pangkat dan kedudukan sangat digalakkan untuk cuba merasa kemasntan yang telahpun dikecapi oleh rakan-rakan sukarelawan yang lain.

## SENARIO KESUKARELAWANAN DI MALAYSIA

Aktiviti kesukarelawan semakin mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Lihat sahaja munculnya pelbagai golongan masyarakat khususnya belia, sama ada secara individu, berkumpulan atau mewakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tanpa mengira fahaman politik, agama, bangsa, darjat dan keturunan dalam membantu mangsa-mangsa banjir yang melanda negara kita pada akhir 2014 dan awal tahun 2015 lalu.

Walaupun bagaimanapun, secara umumnya, ia belum lagi menjadi budaya dan amalan utama di negara ini. Di Malaysia, ramai yang melibatkan diri di dalam aktiviti tersebut kerana agama. Komitmen yang tinggi terhadap agama seringkali mendorong seseorang untuk mel-

akukan aktiviti yang berlandaskan nilai-nilai murni, seperti kesukarelawan. Kebanyakannya berminat menjadi sukarelawan kerana kepercayaan dan agama.

Selain belia, golongan yang semakin ramai melibatkan diri di dalam aktiviti sukarela di Malaysia adalah golongan pesara dan profesional. Terdapat kajian ke atas sejumlah sukarelawan kanser yang kebanyakannya wanita separuh umur dan pesara melaporkan bahawa majoriti daripada mereka lebih gemar melibatkan diri di dalam aktiviti kesukarelawan berbentuk praktikal. Dalam erti kata lain, mereka menggemari aktiviti dan latihan kesukarelawan yang memberi peluang kepada mereka mengaplikasikan kemahiran sedia ada ataupun mempelajari kemahiran baru.

Selain faktor kepercayaan dan agama, faktor utama yang mendorong belia untuk menjadi sukarelawan terbahagi kepada dua, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Ini termasuklah motivasi, kekeangan masa, kecekapan penganjur, bentuk aktiviti serta ciri demografi.

Wujud keperluan untuk meningkatkan imej dan reputasi profesionalisme para sukarelawan melalui penyaluran berpusat. Kepadatan di dalam peningkatan pendaftaran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menunjukkan kepentingan untuk mengadakan satu badan atau organisasi khusus, bukan sahaja untuk memantau operasi pertubuhan-pertubuhan ini, tetapi juga untuk memastikan impak yang tinggi daripada keberadaan pertubuhan-pertubuhan ini.

## KE ARAH PEMBENTUKAN SUKARELAWAN PROFESIONAL DI MALAYSIA

Institut Sosial Malaysia (ISM) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang diberi tanggungjawab membentuk, menggilap dan membangunkan para sukarelawan di Malaysia terutamanya sukarelawan bajajikan ke arah profesionalisme yang lebih utuh. ISM dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial (IPSS), Universiti Putra Malaysia dan wakil-wakil daripada pelbagai pihak yang aktif dengan aktiviti sukarelawan

telah merangka tiga Modul Kesukarelawan dan Modul Kejurulatihan Sukarelawan pada hujung tahun 2014 dan sedang rancang dijalankan mulai awal tahun 2015.

Modul Kesukarelawan yang telah dirangka tersebut merangkumi tiga peringkat. Peringkat pertama merupakan Modul Kesukarelawan Peringkat Asas. Modul pada peringkat asas ini memfokus kepada pembentukan falsafah, ilmu asas, kemahiran asas dan sikap yang patut ada dalam setiap diri para sukarelawan. Dalam erti kata lain, modul ini membentuk para sukarelawan untuk menjadi pemimpin kepada diri sendiri.

Modul Kesukarelawan Peringkat Pertengahan pula memfokus kepada melatih para sukarelawan untuk menjadi pemimpin kepada para sukarelawan di peringkat negeri. Setelah tamat menjalani latihan modul ini, para sukarelawan dijangka mampu menyelia, menyelaras, memantau, dan membimbing kumpulan para sukarelawan yang lain. Manakala Modul Sukarelawan Peringkat Lanjutan pula memfokus kepada melatih para sukarelawan yang lebih berpengalaman untuk menjadi pemimpin yang mampu merancang, mentadbir, menyelaras, melaksana, memantau dan menilai secara strategik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sehingga kini, pelaksanaan modul peringkat asas telah dilaksanakan di seluruh Malaysia mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Sabah dan Sarawak. Para peserta yang terpilih mengikuti kursus modul peringkat asas ini merupakan para sukarelawan baru dan juga yang berpengalaman dari pelbagai pertubuhan kesukarelawan di Malaysia, dan bakal dilatih sebagai *Trainers of Trainer* (TOT) Sukarelawan kepada mereka yang terpilih.

Menyasarkan seramai 200 orang TOT pada hujung tahun ini, sehingga kini seramai 125 orang yang berkualiti berjaya dikenal pasti dan dipilih sebagai TOT Sukarelawan melalui pelaksanaan modul pada peringkat asas ini.

Perencanaan untuk menubuhkan Majlis Kebangsaan Kesukarelawan Malaysia (MKKM) satu lagi usaha untuk memartabatkan bidang kesukarelawan di negara ini. Tujuan penubuhannya supaya dapat berperanan sebagai pemandu dan penyelar bagi semua pertubuhan sukarela dan NGO yang terlibat dalam kesukarelawan. Hal ini kerana, sehingga kini kebanyakan pertubuhan sedia ada beroperasi secara berasingan untuk mencapai matlamat pertubuhan masing-masing.

Tindakan meletakkan kesemua pertubuhan tersebut di bawah naungan MKKM kelak dijangka dapat menghasilkan impak yang lebih besar dan lestari dalam menangani pelbagai isu yang melibatkan kesejahteraan semua menerusi aktiviti kesukarelawan.

**DATUK SERI ROHANI ABDUL KARIM** ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.